



Submission date: 05/06/2017

Accepted date: 23/08/2017

## ISU-ISU PEMAKANAN HALAL: KAJIAN KES DALAM HUBUNGAN KOMUNITI SAUDARA BARU DAN BUKAN MUSLIM DI NEGERI TERENGGANU

*Halal Food Issues: Case Study in New Muslims and Non-Muslims  
Community Relations in Terengganu*

Azarudin Awang, Che Zuina Binti Ismail dan Wahairi Mahmud  
Akademi Kontemporari Pengajian Islam  
UiTM Dungun, Terengganu

azaru154@tguru.uitm.edu.my

### Abstrak

Penyediaan dan pengambilan makanan halal merupakan satu aspek yang penting dalam kehidupan seseorang Muslim. Makanan yang halal seperti yang perlu dimanifestasikan dalam aspek pemakanan akan memberi corak terhadap tingkah laku seseorang Muslim. Konsep pemakanan yang halal melibatkan penilaian terhadap satu skel pilihan yang dianggap luhur berdasarkan syariat agama. Saudara baru merupakan kelompok yang melakukan transformasi kehidupan termasuk dalam aspek pemakanan berasaskan nilai yang ada dalam agama Islam. Meskipun hubungan kekeluargaan telah terjalin sekian lama, perbezaan nilai agama mencetuskan salah faham dan konflik termasuk perihal yang berkait dengan isu pemakanan halal. Justeru, objektif kajian ini adalah bertujuan melihat pengalaman peserta kajian yang terdiri daripada komuniti saudara baru Cina di negeri Terengganu dalam konteks hubungan Muslim dan bukan Muslim ketika melaksanakan upacara makan bersama-sama. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan temu bual ke atas 20 orang komuniti Cina Muslim di negeri Terengganu. Hasil kajian menunjukkan bahawa isu-isu yang berkait dengan pemakanan telah menjadi salah satu sensitiviti semasa saudara baru berkunjung ke rumah keluarga asal. Biarpun begitu, wujud dalam kalangan ahli keluarga bukan Muslim yang menghargai dan menerima perbezaan yang ada dalam agama orang lain dengan terbuka.

Kata Kunci: pemakanan, halal, hubungan saudara baru, bukan Muslim.

### Abstract

Halal food preparation and consumption is an important aspect in the life of a Muslim. Ingredients in Halal food need to be emphasize as its can influence and give effect of Muslim behaviour. The concept of halal food involves an assessment the scale of opportunity that are highly considered based on the Islamic Rule (Syariat). New Muslims are groups of life transforming including the aspect of food related based on the Islam dimension. Although the family relationship has existed for so long, the difference of religion creates misunderstanding and conflict, including the issue bearing on halal food. Thus, the objective of this study is to observe the experience Chinese Converts in Terengganu in the context of relations between Muslims and non-Muslims especially performing the ritual of eating together. This study used a qualitative approach with interviews of 20 Chinese Muslim community. The findings showed that the issues relating to halal food has become one of sensitive issue during Muslim Convert visit their family home. Even so, some non-Muslim family members appreciated and accepted the difference other people's religion.

**Keywords:** food, halal, new Muslims relation, Non-Muslims.

### **PENDAHULUAN**

Persoalan berkaitan pemakanan halal merupakan antara topik utama yang diperbahaskan dalam hubungan Muslim dan bukan Muslim kerana ianya berkait dengan syariat Islam yang mendorong setiap Muslim ke arah kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Mengambil makanan yang halal merupakan aspek-aspek kepatuhan dan ketaatan yang dituntut oleh syariat Allah ke atas setiap Muslim.

Ketidakfahaman terhadap konsep pemakanan yang halal telah mencetuskan polemik hubungan Muslim dan bukan Muslim, khususnya dalam konteks kehidupan saudara baru. Suraya dan Khadijah (2012) menyatakan bahawa komuniti saudara baru merupakan pelaku agama (*religious actor*) yang bukan dilahirkan Muslim dan mereka diterapkan ke dalam tradisi agama baharu dan tidak pernah bersosialisasi dengannya. Justeru, dalam suasana baharu, keadaan ini menimbulkan beraneka pandangan dan salah faham dalam kalangan keluarga yang terdiri daripada Muslim dan bukan Muslim sehingga mengheret isu tersebut diperbahaskan secara terbuka. Ini termasuklah perihal yang menyentuh soal makan minum yang memaparkan pelbagai bentuk pengalaman kehidupan baharu yang berlaku kepada penganutnya.

Wang (2005) menyatakan pengalaman ini melibatkan hubungan antara etnik iaitu antara saudara baru dengan keluarga asal dan hubungan sesama agama khususnya antara saudara baru dan muslim asal. Norhana (2012, Mac 12), menyatakan bahawa komuniti saudara baru lazimnya akan berhadapan masalah hubungan dengan ahli keluarga yang terdekat. Antaranya, contoh kesalahfahaman yang sukar ialah soal-soal yang berkaitan dengan rutin kehidupan sehari-hari seperti

makan minum, sambutan perayaan, pengurusan jenazah ahli keluarga yang bukan Muslim dan sebagainya. Situasi yang melibatkan hubungan ‘baharu’ antara umat beragama yang seringkali menimbulkan kesalahfahaman dan prasangka sehingga mengheret kegusaran dan membawa konflik yang berpanjangan untuk menjalin interaksi sehari-hari dan tinggal bersama dalam satu komuniti. Tidak menghairankan sekiranya permasalahan yang berlebar menyentuh persoalan makan minum dalam kalangan saudara baru kadang kala mencetuskan pergolakan yang sengit dan mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan. Perihal ini berkait dengan pengetahuan dan pengamalan agama Islam dalam kehidupan sehari-hari menjadi fokus pembinaan semula hubungan antara saudara baru dengan keluarga asal. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Ain Mawaddah (2015) mendapati sebanyak 863 kes yang memohon untuk keluar agama (murtad) di Malaysia pada tempoh 2000-2010 dan kebanyakan permohonan yang direkodkan itu adalah terdiri daripada komuniti saudara baru. Antara faktor yang mendorong ialah tidak mengamalkan agama Islam dan tiada pengetahuan agama Islam. Bagi Rahimin et al. (2011), seandainya isu-isu yang berhubung urusan kehidupan sehari-hari; misalnya persoalan makan dan minum, tidak ditandatangani dengan baik, pastinya ia akan mengundang kepada konflik dan persepsi negatif yang berpanjangan. Justeru, selagi permasalahan ini tidak dirungkaikan dan diselesaikan dengan bijak, kita berkemungkinan berhadapan dengan masalah yang lebih buruk.

Artikel ini secara sosiologinya akan mengkaji pengalaman saudara baru dengan keluarga asal khususnya menyentuh tentang isu-isu tentang makanan ketika makan bersama-sama dan selanjutnya untuk memahami permasalahan yang melatari hubungan komuniti saudara baru dan bukan Muslim di negeri Terengganu. Dari sudut bahasa istilah ‘halal’ merujuk kepada hukum membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan (Kamus Dewan, 2010). Dari segi etimologi, perkataan halal berasal dari kalimah Arab iaitu (*halla-yahillu-hillan-wa halālan*) yang bermaksud ‘sesuatu yang dibenarkan oleh Allah’ (Ibrahim et al., 1989). Antonim bagi perkataan halal ialah haram iaitu merujuk kepada sesuatu perkara atau perbuatan yang tidak dibenarkan (Kamus Dewan, 2010). Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Mencari yang halal adalah suatu kewajipan atas setiap Muslim” (al-Tabrani, t.t). Penjelasan berkenaan halal dan kewajipan mencari yang halal juga banyak dirakamkan dalam al-Quran, misalnya larangan memakan bangkai, darah, daging babi dan binatang disembelih menggunakan nama selain Allah (lihat surah al-Baqarah 2:173, surah al-An'am 6:145). Firman Allah yang lain ialah dalam surah al-Nahl 16: 114:

فَلَكُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ اللَّهُ حَلَالٌ طَيْبًا وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنَّ كُثُرَ إِيمَانُهُمْ لَغَافِلُونَ

Oleh itu, makanlah (Wahai orang-orang Yang beriman) dari apa Yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda Yang halal lagi baik, dan bersyukurlah

akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata.

Ibn Kathir (1981) menegaskan bahawa perkataan *tayyibā* pada ayat di atas membawa maksud baik, bermanfaat dan elok dari segi tabiat dan syarak. *Tayyibā* merangkumi dua perkara, iaitu soal fizikal dan kerohanian. *Tayyibā* mestilah selari dengan syariat, tidak bercanggah dan disertai dengan keikhlasan kepada Allah SWT. Sehubungan itu, makanan yang halal di sisi syarak ialah makanan yang bersih zatnya, suci kaedah perolehannya serta bebas daripada sebarang kemudarat. Sebaliknya, sesuatu makanan yang haram sekalipun lazat rasanya, mahal harganya, enak baunya tetap keji di sisi Allah SWT.

Dalam aspek pemakanan, persoalan halal meliputi persoalan yang luas yang merangkumi aspek penyediaan, pemprosesan, penyimpanan, pembungkusan, pengendalian dan pengangkutan (Zawanah et al., 2008). Akta Perihal Dagangan 1972 (Perintah Perihal Dagangan) (Penggunaan Perbahasaan “Halal” 1975) menjelaskan bahawa pemakanan yang halal tidak mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari binatang yang dilarang oleh syarak atau yang tidak disembelih mengikut hukum syarak. ii) Tidak mengandungi benda-benda najis iii) Tidak disedia, diproses atau dikilang dengan menggunakan alatan yang tidak bebas dari najis iv) Semasa penyediaan, memproses atau menyimpan tidak bersentuhan atau berdekatan dengan perkara yang tidak memenuhi kehendak syarak. Ini memberi erti bahawa untuk mengelakkan daripada makanan yang disediakan tidak halal, seseorang Muslim perlu melaksanakan proses penyediaan makanan dalam keadaan tidak terkeluar daripada ketetapan syarak.

Terdapat beberapa tulisan yang membicarakan tentang pemakanan halal di Malaysia antaranya kajian yang dilakukan oleh Noorfazreen dan Asmak (2011). Beliau menyatakan aspek pemakanan yang halal merangkumi tiada penipuan, tidak memudaratkan, amalan pengilangan yang baik, kebersihan makanan, keselamatan makanan, pembungkusan, penghantaran, pelabelan dan harga yang berpatutan. Dari segi kandungan dan perasa yang digunakan adalah halal dan sistem pemprosesan selari juga dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Islam. Kajian yang dilakukan oleh Suhaiza et al. (2004) mendapati bahawa pengaruh rakan dan keluarga, keupayaan membeli dan nilai norma yang subjektif memainkan peranan lebih besar dalam pertimbangan pemilihan makanan. Bagi Mohezar et al. (2016), salah satu faktor kesedaran masyarakat terhadap pengambilan makanan yang halal ialah faktor agama. Hujah beliau ini terdapat dalam kajian kuantitatifnya yang bertajuk “*Halal Cosmetics Adoption Among Young Muslim Consumers in Malaysia: Religiosity Concern*”. Beliau mencadangkan pengguna Muslim perlu dilibatkan terlibat dalam masyarakat memandangkan mereka memberi pengaruh yang besar terhadap hala tuju pemakanan yang halal. Faktor lain adalah disebabkan oleh kesedaran keselamatan, kesihatan, pengetahuan dan penilaian terhadap produk halal (Nabihah, 2011).

Kajian yang dilakukan oleh Sanep et al. (2007) mendapati bahawa majoriti pengguna Muslim bersetuju melihat logo halal dan membaca kandungan memberi keyakinan kepada pengguna untuk membeli barang makanan tersebut. Kajian lain misalnya kajian yang dilakukan oleh Tee Shao Yie (2013) mendapati 95.7% daripada responden Muslim enggan mencuba mengambil makanan yang disediakan oleh masyarakat Kadazan-Dusun kerana bimbang dengan status halal. Dalam konteks saudara baru, kajian yang dilakukan oleh Suraya (2012) dalam tesis PhDnya “Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah; Kajian Pengalaman Saudara Baru” menyatakan hubungan yang bersifat akomodasi termasuk dalam aspek makan minum banyak ditemui dalam kehidupan baru komuniti ini. Suraya mendapati soal halal makanan bukan hanya menyentuh zat makanan tetapi melibatkan soal-soal penyediaan dan bahan-bahan peralatan yang digunakan. Wan Norhanisah (2012) melihat nilai yang ada pada sesebuah bangsa menjadi cabaran dalam menjalankan hubungan antara etnik. Sebagai contoh, beliau menyatakan nilai induk komuniti Melayu Muslim berasaskan budi Islam dan nilai masyarakat Cina berdasarkan kepada *fillial piety* yang melahirkan nilai kecinaan yang tegar, menjadi cabaran dalam melestarikan hubungan Muslim dan bukan Muslim di Malaysia.

Kajian ini adalah penting kerana ia memberi gambaran sebenar tentang isu-isu yang berkait makanan yang halal yang sedikit sebanyak menyumbang kepada salah faham beragama dalam hubungan intra etnik. Selanjutnya melihat bagaimanakah sudut pandangan ahli keluarga bukan Muslim terhadap konsep pemakanan halal apabila berhadapan dengan ahli keluarga yang Muslim.

## METODOLOGI KAJIAN

Penelitian dilakukan melalui data-data deskriptif kaedah kualitatif persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang merujuk kepada satu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri sampel yang dikehendaki oleh penyelidik (Sunawari, 2009; Mohd Najib, 2003). Kajian temu bual separa berstruktur dilakukan dengan cara temubual berfokus ke atas 20 orang responden saudara baru Cina yang telah memeluk agama Islam di negeri Terengganu. Sebelum kajian temu bual dilaksanakan, penulis memohon kebenaran daripada Ustaz Abdul Halim Lim Abdul Rahman, pengetua Kompleks Darul Hidayah. Ini kerana, hal-hal yang berkaitan saudara baru di negeri Terengganu adalah di bawah bidang kuasa beliau. Kaedah temu bual dilakukan bagi mendapat maklumat secara langsung tentang sejarah dan pengalaman peserta kajian dalam dialog kehidupan sebelum memeluk agama Islam. Para peserta kajian merupakan saudara baru yang melibatkan diri dalam kelas pengajian di Kompleks Darul Hidayah (di bawah penyeliaan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu). Justeru, soalan-soalan yang dikemukakan kepada peserta kajian sehingga data yang diperolehi

menjadi tepu dan dapat menjawab persoalan serta objektif kajian yang dijalankan.

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Di Malaysia, saudara baru ditonjolkan dalam beberapa istilah seperti saudara kita, mualaf dan saudara Muslim (Osman & Abdul Salam, 2008). Individu yang termasuk dalam istilah di atas merupakan individu yang baru memisahkan diri daripada “cara hidup lama” (Suraya, 2012). Dalam keadaan masih baharu memahami agama Islam, persepsi dan pengamalan mereka terhadap nilai-nilai agama Islam, sedikit sebanyak memiliki pola yang agak berbeza jika dibandingkan komuniti Muslim asal. Zebiri (2008) menyatakan kehidupan baharu komuniti saudara baru (*Muslim convert*) berhadapan permasalahan terpinggir dalam dua situasi (*double marginality*). Komuniti ini berhadapan dengan dilema dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Muslim dan dalam masa yang sama mereka perlu mengekalkan hubungan yang baik dengan komuniti asal (bukan Muslim). Berdasarkan dapatan kajian, terdapat beberapa prinsip yang dianggap sebagai landasan peraturan ketika saudara baru terlibat dalam makan dan minum bersama keluarga asal. Antaranya:

#### **i. Meninggalkan makanan kerana diragui halal atau jelas haram**

Penglibatan saudara baru bersama-sama ahli keluarga bukan Muslim dalam budaya asal dilihat satu proses membina semula hubungan dengan menonjolkan peribadi Muslim berdasarkan landasan agama Islam. Justeru, dalam menjalinkan hubungan tersebut, prinsip mematuhi halal haram diambil kira sebagai sempadan yang membatasi sesuatu hubungan sama ada hubungan bersifat kekeluargaan mahupun hubungan sahabat yang berbeza agama. Aplikasi hubungan yang dibatasi syariat ini ditonjolkan ketika Resp#09-Kantonis (2012, April-Sept.) menghadiri jemputan rakan-rakan bukan Muslim meraikan sambutan pesta tanglung. Ini dinyatakan sebagaimana berikut:

saya ada ikut sambutan kuih bulan... malam ada pertunjukan tanglung.. kalau dia jemput saya pergilah.. untuk hormati. kita pergi tengoklah... tapi tak makan-makan lah. (Resp#09-Kantonis, 2012, April-Sept.)

Apa yang nyata, penukaran agama Islam banyak mengubah struktur kehidupan dan pemikiran penganut baharu, misalnya perubahan gaya berpakaian, pergaulan dan aspek pemakanan. Kesannya banyak mempengaruhi hubungan sosial sejagat. Nilai-nilai agama yang ada dalam agama baharu itu menuntut saudara baru menoleh ke dalam syariat agama dalam menjalinkan semula hubungan sosial dengan keluarga asal khususnya dalam upacara yang melibatkan soal makan minum. Justeru, nilai-nilai asal yang tidak sesuai dan membawa kepada kesangsian itu meminta tindakan yang baharu perlu dilakukan. Bagi komuniti Cina, nilai kekeluargaan dilihat sesuatu yang mesti dipertahankan (Cheu, 2003). Biarpun begitu, responden berhadapan

cabaran menjalinkan semula hubungan apabila berkunjung ke rumah keluarga asal. Keengganan (Resp#13-Hakka) mengambil makanan yang disediakan ketika menziarahi abangnya menimbulkan rasa kurang senang keluarga bukan Muslimnya. Meskipun abangnya telah menyediakan bekas polisterin, namun rasa curiga menyebabkan responden mengambil keputusan untuk tidak menyentuh makanan yang disediakan. Ujaran ini dijelaskan sebagaimana berikut:-

Kalau tahun baru Cina, saya balik umah abang saya dekat jalan pejabat, tapi saya dok makan makanan dia sebab saya rasa was-was makanan dia. pastu dia marah ahh... balik dok makan, balik wak mende. dia marah saya, biasa dia tempah dari orang Melayu saya faham, tapi bekas dia tu saya was-was sudu serba serbi, pinggan. Bekas polistren ada sebab saya tak lalu nak makan. Sebab keluarga saya memang jenis makan daginglah, Cuma saya minum air sahaja, makan kacang, dan limau. Tiga ni ah yang saya makan, abang saya makan doh, saya tak moh makan nasi saya dok leh nak gi (tak dapat nak menikmati) ...dia marah saya.  
(Resp#13-Hakka, 2012, April-Sept.)

Matlamat hubungan semula perlu dijalinkan ialah untuk memupuk hubungan kasih sayang dan meleraikan ‘kekeliruan’ persoalan-persoalan adat, budaya dan agama dalam kalangan ahli keluarga bukan Muslim (Ridzuan 2012). Kadang kala, saudara baru perlu mengkaji dan mengetengahkan kaedah-kaedah yang terbaik bagi dirinya dengan mengambilkira faktor keagamaan apabila berhadapan makanan yang disediakan oleh ahli keluarga bukan Muslim. Sebagai contoh, Resp#20-Hokkien berpura-pura kenyang apabila ahli keluarga bukan Muslim menyediakan makanan atau minuman. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Makan minum tu, apabila dia nak hidang kita wak dolok (berpura-pura) kenyang Cuma kita ambik air kotok air dia kita tak ambiklah ...pasal dia nadah periuk (gunakan periuk untuk memasak khinzir), pegang gini... kita tak tau. (Resp#20-Hokkien, 2012, April-Sept.)

Saudara baru merupakan kelompok yang berperanan membentuk citra dan imej Islam, justeru mereka perlu menonjolkan nilai-nilai agama Islam yang sebenarnya kepada ahli keluarga bukan Muslim. Sungguhpun demikian, keenggan Muslim asal (dalam kes kahwin campur) untuk mengambil makanan yang disediakan oleh ibu mertua menggambarkan saudara baru berhadapan liku-liku dalam membina semula hubungan dengan keluarga asal. Ada dalam kalangan komuniti Muslim asal melihat aspek pemakanan sebagai halangan, yakni sebagai sebab-sebab yang tidak memungkinkan toleransi berlaku dengan baik. Perihal ini dinyatakan dalam transkrip berikut:

Orang Melayu taksub (sangat kuat berpegang) kepada mazhab imam Syafie, kalau mak hidang makanan yang halal macam kek dalam pinggan dia tak makan. (Resp#16-Kantonis, 2012, April-Sept)

### **ii. Mengambil makanan yang benar-benar dijamin halal**

Penglibatan masyarakat Cina Muslim dalam upacara makan semasa sambutan Tahun Baru Cina, makan bersama-sama dan urusan perkahwinan dilihat sebagai satu proses mendekatkan diri dan kemudiannya membina semula kesatuan yang terpisah kerana perbezaan agama. Ia dilihat sebagai satu daya usaha saudara baru secara sedar untuk menyatu semula etnik berdasarkan kebudayaan yang sama. Dalam usaha ini, kebanyakkan responden begitu berhati-hati mengambil makanan yang disediakan oleh ahli keluarga yang bukan Muslim. Dalam kata lain, aspek-aspek halal amat dititikberatkan semasa majlis makan bersama-sama dijalankan. Ini sebagaimana dijelaskan oleh Resp#17-Hokkien yang menyatakan bahawa beliau hanya mengambil makanan seperti buah, kekacang dan air tin. Ujarannya adalah seperti berikut:

Kalau tahun baru Cina tu, setiap tahun saya balik rumah mak saya, kalau isteri saya dok balik saya bawak anak-anak saya balik, tidur rumah mak, kalau makan dekat rumah kita tengoklah yang boleh makan kita makanlah macam buah ke, kacang ke, hak ada tanda halal JAKIM kita makanlah. Kadang-kadang abang teman makan bawak saya ke restoran Islam. (Resp#17-Hokkien, 2012, April-Sept.)

Senario ini menunjukkan bahawa responden memahami batas syariat agama ketika bersama-sama ketika meraikan sambutan dalam masyarakat asal. Kenyataan ini turut diakui oleh Resp#06-Hokkien dan Resp#08-Hokkien dengan menyatakan sebagaimana berikut:

So kalau musim dia orang buat Tahun Baru Cina, saya akan pergila, saya akan merayakan sekali dengan dia orang cuma kena pandai jagalah contohnya kalau makan minum tu saya jaga halal-haram lah ... (Resp#06-Hokkien, 2012, April-Sept.)

Kalau Musim Raya Cina. lepas baik tu saya pergi lah berjalan, umah adik beradik ... makan minum kita tengok kadar-kadar hak kita boleh makan (Resp#08-Hokkien, 2012, April-Sept.)

### **iii. Menyediakan sendiri makanan di rumah ahli keluarga bukan Muslim**

Integrasi dan interaksi saudara baru dengan keluarga asal sangat penting dalam melahirkan insan yang bertoleransi. Tegasnya pendidikan Islam dan dakwah Islamiyyah memainkan peranan utama

dalam menekankan perihal tersebut. Tujuannya adalah untuk menyedarkan mereka tentang kesyumulan Islam sebagai agama yang menganjurkan keamanan dan menekankan kasih sayang. Biarpun begitu, toleransi beragama yang dianjurkan oleh Islam harus berada dalam ruang lingkup syarat yang dibenarkan (Khadijah, 2008). Dalam membina perpaduan dan toleransi, responden mengambil pendekatan yang lebih pro aktif dengan memasak makanan di rumahnya dan selanjutnya membawa makanan tersebut ke rumah ahli keluarganya yang bukan Muslim bagi meraikan sambutan Tahun Baru Cina bersama-sama. Amalan makan bersama-sama di rumah keluarga bukan Muslim bertujuan untuk membetulkan salafaham dalam kalangan ahli keluarga bagi menangani permasalahan yang tidak dapat disepakati bersama atas faktor perubahan yang berlaku ke atas saudara baru setelah memeluk Islam. Pengalaman ini dinyatakan sebagaimana berikut:

‘Lepas mak saya tak dok (meninggal) tuu, adik beradik boleh terima saya semua... hari raya memang saya pergi... [saya buat BBQ saya bawak dari rumah, saya buat nasi minyak, saya bawak ke situ] (rumah keluarga asal)’ (Resp#07-Hokkien, 2012, April-Sept.)

#### **iv. Ahli keluarga bukan Muslim memasak di rumah saudara baru**

Mohd Taib (2003) menyatakan integrasi boleh berlaku dalam berbagai cara seperti hidup bersama, perniagaan, kunjungan ziarah dan sebagainya. Apa yang jelas ialah perkahwinan campur telah memberi peluang bahawa ‘tinggal sebumbung’ mendedahkan citarasa makanan yang lebih luas kepada ahli keluarga. Satu pola hubungan yang menarik ialah mengenai penyuburan nilai harmonis ini terserlah apabila ibu Resp#02-Hokkien datang ke rumahnya untuk menyediakan makanan kesihatan untuk isterinya yang baru bersalin. Perkara ini dinyatakan oleh Resp#02-Hokkien sebagaimana berikut:

‘Sekarang ni hubungan saya dengan mak saya baik doh... Dulu mak saya Buddha gok...pastu lepas ayah saya mati (meninggal), dia (emak) masuk Kristian... adik beradik saya ada yang Buddha ada yang Kristian. Saya rajin jugak mari (pergi rumah ibu), bila isteri saya beranak, [dia mari sini tolong cara (uruskan) isteri saya, masak ayam kukus halia bagi kat isteri saya]. (Resp#02-Hokkien, 2012, April-Sept.)

#### **v. Bersama-sama menyediakan juadah untuk sambutan perayaan**

Selanjutnya, kajian juga menunjukkan ahli keluarga yang bukan Muslim mempunyai toleransi yang tinggi terhadap budaya pemakanan saudara baru. Toleransi yang tinggi ini disuburkan dengan cara unsur-unsur budaya dijadikan sebagai teras perkongsian untuk semua. Pengalaman ini diceritakan sebagaimana berikut:

“Hari raya Cina kita *join* jugalah, [ayam-ayam, itik-itik ikat siap-siap, dia tunggu (mak ayah bukan Muslim), 10

ekor ayam, 8 ekor itik dia suruh suami saya sembelih]... yang khinzir kalau kita balik, papa langsung tidak makan... kita peti air ada dua, satu untuk simpan itu punya... satu tak... waktu makan khinzir... kalau dia tau saya balik dia cuci abih doh... dia tak bagi kita tengok”.  
(Resp#11-Foochow, 2012, April-Sept.)

Transkrip Resp#11-Foochow menjelaskan bahawa beliau bersama-sama menyambut Tahun Baru Cina di rumah ibunya. Bagi memastikan penyediaan makanan adalah halal, ibunya menghidangkan makanan berdasarkan daripada ayam dan itik yang disembelih oleh menantunya yang beragama Islam. Dalam Islam, nilai-nilai budaya yang boleh mengikat hubungan antara Muslim dan bukan Muslim akhirnya akan membawa kepada kesatuan sikap dan merapatkan jurang pandangan.

#### **vi. Ahli keluarga bukan Muslim menempah makanan daripada komuniti Muslim**

Amalan ‘makan bersama-sama’ dilihat satu mekanisme proses mendekatkan dan selanjutnya membina semula hubungan yang terpisah kerana perbezaan agama. Penekanannya adalah kepada perkongsian aktiviti di rumah keluarga asal atau di rumah saudara baru. Semakin kerap saudara baru terlibat dalam perkongsian aktiviti, semakin mudahlah nilai toleransi antara keluarga yang berlainan agama ini dapat dipupuk. Sememangnya, isu yang berkait makanan dan penyediaanya merupakan perihal yang amat penting dalam perkongsian aktiviti dengan keluarga asal. Mengambilkira soal pemakanan cukup diteliti dalam kehidupan masyarakat Muslim, didapati ahli keluarga bukan Muslim menempah makanan dari masyarakat Muslim di luar khususnya dalam upacara tertentu. Ini dinyatakan oleh Resp#02-Hokkien sebagaimana berikut:

Macam kalau Hari Raya Cina kita pergi berjalan pulak ke rumah dia (ahli keluarga bukan Islam). Saya pergi rumah emak saudara, saya pergi dengan mak... dia orang pun tahulah cara-cara Islam. [Bila raya Cina dia orang order makanan pun dengan orang Melayu jugak, makan dalam *polystrine*].  
(Resp# 2-Hokkien, 2012, April-Sept.)

#### **vii. Ahli keluarga bukan Muslim memastikan ruang dapur dan peralatan memasak sentiasa berada dalam keadaan bersih**

Bahkan soal kebersihan ruang dapur belum menjamin ketelitian tersebut. Ini dinyatakan sebaimana berikut:

Lepas kahwin saya buat juga aktiviti Cina macam Tahun Baru Cina kita melawat rumah mak, rumah kakak ... makanan mak saya beli luar, sepatutnya tak perlu sebab rumah dia dah bersih tapi mak saya nak hormat saya balik dia beli makanan kat luar. Kadang-kadang keluarga datang duduk sama, kita masak duduk sama ...kalau saya

buat puasa, semayang dia dok tanya, dia tengok je.  
(Resp#14-Hailam, 2012, April-Sept.)

Apa yang pasti, ahli keluarga bukan Muslim mempelajari nilai-nilai agama Islam melalui pemerhatian dan contoh tauladan yang ditonjolkan oleh saudara baru yang seterusnya diberikan peneguhan. Suasana hubungan yang memberangsangkan akan memupuk nilai-nilai sosial yang positif terhadap pembangunan hubungan etnik. Persekutaran keluarga yang positif memudahkan responden memberi tumpuan terhadap penyempurnaan gaya hidup berdasarkan norma-norma agama Islam sehari-hari. Hasil dapatan yang lain menunjukkan, hubungan intim antara saudara baru dengan rakan-rakan bukan Muslim yang lain di manifestasikan sebagaimana berikut:-

‘Memang hubungan saya baik, bila dia orang ada mati saya ziarah...sebab saya tinggal di kawasan Cina. Kalau sambutan Tahun Cina, I buat, sebab ramai kawan I Cina, hari pertama biasa aje kasi air, kasi kuih je nak pergi *visiting* aje...saya pun pegi *visiting* semua dia orang punya rumah. Kalau dalam Terengganulah dia orang semua order orang Islam masak nasi dagang, sate sebab ramai kawan-kawan dia orang Melayu, lepas tu dia pakai bekas polistiren, sudu plastik. So kalau kita tak pergi macam mana nak kawan dengan orang Cina. Deepavali saya pergi juga, saya beli ayam kasi dia (kawan India)’.  
(Resp#11-Foochow, 2012, April-Sept.)

Pemerhatian aspek halal bukan sahaja kepada kualiti makanan malah meliputi penggunaan alat memasak dan proses penyediaan makanan. Sehubungan dengan itu, didapati dalam kalangan responden menyediakan peralatan memasak dan set pinggan mangkuk yang khusus ketika menziarahi keluarga. Keluarga yang mengambil makanan haram seperti babi lazimnya memahami tujuan yang dilakukan oleh anaknya yang telah memeluk agama Islam. Dalam masa yang sama, keluarga bukan Muslim mengambil langkah awal seperti membersihkan tempat memasak dan peralatan memasak. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Tak ada masalah, [makan minum kita buat cuci semua, kita beli set pinggan, kita beli kuali...kita masak asinglah] ...kita tau kan kita cuci bersih-bersih kita boleh pakai, mak saya kalau saya balik, dia cuci satu hari tau itu periuk, itu pinggan, takkan kita nak sakit hati dia pulak...” (Resp#11-Foochow, 2012, April-Sept.)


Resp # 06 (Hokkien), menjelaskan sebagaimana berikut:

“Saya akan pergilah (berkunjung), saya akan raya sekali dengan dia [orang cuma kena pandai jagalah contohnya

kalau makan minum tu saya jaga halal-haram] lah ...”.  
(Resp#06-Hokkien, 2012, April-Sept.)

Berasaskan perbincangan di atas memperlihatkan bahawa perkongsian hidup melalui aktiviti makan bersama-sama telah memberi kefahaman kepada ahli keluarga bukan Muslim bahawa hakikat makanan yang halal mengakar kepada tuntutan syariat biarpun terdapat beberapa aspek pelaksanaannya mencetuskan polemik. Ini adalah kerana dalam kalangan ahli keluarga bukan memahami konsep pemakanan seorang Muslim adalah hanya halal dari segi fizikalnya yakni disembelih dan tidak mengandungi bahan-bahan daripada sumber babi. Realitinya, konsep pemakanan halal yang digagaskan oleh agama Islam bukan hanya mengambil kira soal-soal tersebut, bahkan penelitian yang mendalam perlu dilihat dalam aspek kebersihan, penggunaan peralatan dan cara penyediaan. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, dapatan kajian menunjukkan bahawa ketika terjalin hubungan sosial antara saudara baru dengan ahli keluarga bukan Muslim, beberapa perkara diambil kira agar makanan yang diambil oleh saudara baru adalah mematuhi syariat antaranya memilih makanan yang benar-benar terjamin halal, tidak meragukan dan memasak di rumah ahli keluarga bukan Muslim. Dari pihak ahli keluarga bukan Muslim pula, dapatan kajian menunjukkan mereka menempah makanan dari masyarakat Muslim, menyediakan peralatan yang bersih (seperti dapur, peti simpanan untuk barang-barang yang basah) dan memasak di rumah saudara baru yang beragama Islam. Didapati dalam keadaan yang tertentu, ahli keluarga yang bukan Muslim dan saudara baru bersama-sama memasak untuk menyediakan makanan bagi sambutan perayaan. Toleransi sebegini boleh diperhatikan sebagaimana dalam jadual 1 di bawah:

### Jadual 1: Isu Dan Penyelesaian Dalam Pemakanan Halal



### KESIMPULAN

Sememangnya, persoalan yang berkaitan soal makan dan minum merupakan salah satu isu yang mendasari hubungan antara saudara baru dan keluarga asal. Dalam menjalinkan semula hubungan antara komuniti Muslim dan bukan Muslim, Islam menggariskan peraturan yang tertentu yang selanjutnya menentukan iklim hubungan. Apa yang nyata, proses membina semula hubungan saudara baru Cina dengan masyarakat asal dilakukan mengikut kerangka yang digariskan oleh syariat dan akhlak Islam. Justeru, toleransi dalam perkongsian ‘meraikan makan’ hanya dapat dibina sekiranya ia dapat difahami dan boleh diterima sebagai satu amalan bersama. Biarpun begitu, pengalaman toleransi hubungan saudara baru dan komuniti non-Muslim di Terengganu memperlihatkan kedua-dua belah pihak mengambil berat soal pemakanan sama ada dari aspek penyediaannya, penggunaan peralatan dan tidak meragu.

Amalan toleransi yang dipaparkan dalam hubungan keluarga saudara baru dalam aspek makan minum menjadi landasan ke arah membudayakan toleransi dalam kehidupan bermasyarakat dengan jiran dan rakan taulan yang berbeza agama dan etnik dalam aspek-aspek lain. Situasi inilah yang ditonjolkan dalam hubungan Muslim dan bukan Muslim di Terengganu yang menyerlahkan budaya makan minum yang mengambil kira nilai-nilai agama Islam yang murni.

## RUJUKAN

- Ahmad Sunawari L., (2009). *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Al-Tabarani, (t.t.) *Mu'jam al-Ausāt*. No. hadis 8610, Jld. 8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Akta Perihal Dagangan 1972 (Perintah Perihal Dagangan) (Penggunaan Perbahasaan "Halal" 1975)
- Cheu Hock Tong. (2003). "Peranan Nilai-Nilai Agama Dalam Integrasi: Asas Dan Strategi." Dalam *Membina Bangsa Malaysia*. ed. Shamsul Amri Baharuddin, Rahimah A. Aziz, Abdul Rahman Embong, Mohamed Yusof Ismail dan Kamaruddin M. Said, 135-47. Bangi: Jabatan Perpaduan Negara & UKM.
- Ibn Kathīr, Abi al-Fidā'Ismā'il al-Dimsyiqī. (1981). *Tafsir al-Qurān al-Āzīm lil Imāmī al-khālīl al-hāfiẓ Imad al-Dīn Abi al-Fidā' Ismā'il al-Dimsyiqī*. Beyrouth: Dar al Fikr.
- Ibrahim Mustaffa et al. (1989). *Al-Mu'jam al-Wasīt*. Juzuk Awal. Istanbul: Maktabat al-Islamiyyah.
- Kamus Dewan*. (2010). ed. Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Khadijah Mohd Khambali. (2008). 'Islam Agama Rahmah' dan Toleransi Beragama: Realiti dan Cabaran. Dalam *Isu Dan Cabaran Hubungan Antara Agama di Malaysia*, ed. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Mohamad Kamil Abd Majid, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, 1-28. Kuala Lumpur, Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Universiti Malaya.
- Mohezar S., Suhaiza Zailani dan Zainorfarah Zainuddin. (2016). Halal Cosmetics Adoption among Young Muslim Consumers in Malaysia: Religiosity Concern. *GJAT* | June 2016 | Vol 6 Issue 1
- Mohd Taib Osman. (2003). Integrasi Dan Asimilasi Budaya-Budaya Tradisional. Dalam *Membina Bangsa Malaysia*, ed. Shamsul Amri Baharuddin, Rahimah A. Aziz, Abdul Rahman Embong, Mohamed Yusof Ismail dan Kamaruddin M. Said, 414-24. Bangi: Jabatan Perpaduan Negara & UKM.
- Noorfazreen Mohd Aris dan Asmak Ab Rahman. (2011). Pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan Di Malaysia: Kajian Daripada Perspektif Ekonomi Islam. *Jurnal Syariah* 19.1.
- Norhana Ng Abdullah. (2012, Mac 12). *Saudara baru di negeri Terengganu*, [Temubual]
- Ain Mawaddah Mohd Adnan. (2015). *Peranan Peguam Syarie Dalam Mengendalikan Kes Murtad Dalam Kalangan Mualaf: Suatu Penilaian*. *Tesis Master Universiti Malaya (tidak diterbit)*.
- Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri. (2008). *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*. Kuala Lumpur: Research Centre International Islamic University.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail dan Nor Hayati Mohd Dahlan. (2011). Dialog Antara Agama:

- Realiti dan Prospek Di Malaysia, *Kajian Malaysia*, 29:2. 91-110.
- Resp # 1 – 20. (2012, April-Sept). *Faktor Mendorong Pemelukan Agama Islam*. [Temubual]
- Ridzuan Tee Abdullah. (2012). *Cabaran Saudara Baru di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid Dan Surtahman Kastin. (2007). Pks Di Persada Dunia Melalui Tanda Halal: Kes Gelagat Pengguna. Dalam *Convention of Islamic Entrepeneurships 2007* Anjuran KUIM Pada 20-21 Januari 2007.
- Suhaiza Hanim, Mohamad Zailani, Norzalila & Mahmod Sabri. (2004). An Empirical study of consumer intention to purchase halal food products in the contex of Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di seminar: *International Seminar On Halal Food and Products: Challenges and Prospects in The Global Market*, 28-30 sept 2004. Marriot Hotel, Putrajaya, Malaysia.
- Suraya Sintang. (2012). *Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah; Kajian Pengalaman Saudara Baru*. Tesis kedoktoran Universiti Malaya. (*tidak diterbit*).
- Suraya Sintang & Khadijah Mohd.Khambali @ Hambali. (2012). Saudara Baru Dan Peranannya Dalam Arena Dialog Antara Agama. Makalah Seminar Pemikiran Islam III, Sudut Pandangan Islam Dalam *Diskusi Sesama Muslim*, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya. 92-94.
- Tee Shao Yee. (2013). Persepsi Dan Penerimaan Terhadap Makanan Tradisional Kadazandusun Di Kalangan Penduduk Yang Menetap Di Sekitar Kota Kinabalu. Sabah. UMS. Sabah.
- Wan Norhasniah W. H., (2012). “Pembinaan Negara Bangsa Dan Hubungan Etnik Di antara Komuniti Melayu Dengan Komuniti Cina di Malaysia: Perspektif Peradaban.” Tesis kedoktoran Universiti Malaya.
- Wang, R. M. (2005). Shifting Identities: Chinese Muslims in Malaysia, *Asian Ethnicity Journal*. Vol. 6, No.2, 89-107.
- Zawanah Binti Muhammad Haji Munir Bin Haji Md. Salleh Abdul Muhammin Bin Mahmood. (2008). Halal: Antara Tuntutan Agama Dan Strategi Ekonomi. “Pentadbiran Hal-Ehwal Islami Di Malaysia : Cabaran Semasa Dan Perancangan Masa Depan” Pada 6-7 Ogos 2008”, di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur.
- Zebiri, K. (2008). *British Muslim Converts: Choosing Alternative Lives*. England: Oneworld Publications.

